



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN
PERUTUSAN

**YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI PENDENGARAN SEDUNIA 2023**

3 MAC 2023

**TEMA: "*Penjagaan Telinga dan Pendengaran untuk Semua!
Mari Jadikan Ia Satu Realiti*"
(*Ear and hearing care for all! Let's make it a reality*)**

1. Pendengaran merupakan satu aset kehidupan yang memainkan peranan penting untuk setiap individu menjalani kehidupan seharian. Pendengaran berlaku seawal di dalam kandungan yang membolehkan anak damit yang baru lahir mengenali suara ibu dan ayahnya. Pendengaran juga membolehkan anak damit memberi respons ketika di 'agah', meniru bunyi-bunyi percakapan dan seterusnya mengungkap perkataan dan kemudiannya bercakap dengan mudah untuk difahami. Pendengaran yang normal membolehkan kita berinteraksi bersama ahli keluarga dan orang lain, menjalankan tugas seharian, memudahkan anak-anak mengikuti pembelajaran mereka di sekolah dan sebagainya.
2. Masalah kehilangan pendengaran berlaku jika seseorang individu tidak boleh mendengar secara normal. Secara amnya, mereka yang

mempunyai masalah pendengaran tidak menunjukkan sebarang kelainan fizikal (*physical abnormalities*). Tahap pendengaran yang hilang boleh berada pada tahap ringan, sederhana, teruk atau sangat teruk dan boleh melibatkan satu atau kedua belah telinga. Individu yang mempunyai pendengaran tahap ringan ke sederhana mengalami kesukaran untuk mendengar berbanding dengan mereka yang mempunyai pendengaran ditahap teruk ke sangat teruk yang mana kemampuan untuk mendengar adalah sangat-sangat terhad (tuli).

3. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dianggarkan seorang daripada setiap sepuluh orang akan mengalami kehilangan pendengaran yang signifikan ataupun *disabling* di seluruh dunia menjelang tahun 2025. Di Negara Brunei Darussalam, statistik yang diperolehi dari Perkhidmatan Audiologi telah menunjukkan pada tahun 2022, seramai 162 pesakit baharu dikenalpasti mengalami masalah kehilangan pendengaran tahap ringan ke sederhana yang melibatkan sebelah telinga (*one sided hearing loss*). Dari jumlah itu, seramai 61 orang adalah kanak-kanak dibawah umur 12 tahun. Manakala, bagi masalah kehilangan pendengaran yang di tahap teruk ke sangat teruk, terdapat seramai 33 orang yang dikenal pasti dan 17 orang dari jumlah ini merupakan kanak-kanak dibawah umur 12 tahun.
4. Bagi masalah kehilangan pendengaran yang melibatkan kedua telinga (*bilateral hearing loss*) pula, statistik menunjukkan seramai

540 pesakit mengalami masalah ditahap ringan ke sederhana dengan 70 darinya adalah kanak-kanak dibawah umur 12 tahun. Sementara itu, 94 pesakit telah dikenalpasti mengalami masalah kehilangan pendengaran di tahap teruk ke sangat teruk yang mana 92 pesakit dari jumlah tersebut adalah terdiri daripada individu yang berumur 12 tahun ke atas.

5. Pada setiap 03 Mac, seluruh dunia akan meraikan Sambutan Hari Pendengaran Sedunia dengan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan penjagaan kesihatan telinga dan pendengaran ke arah pencegahan masalah kehilangan pendengaran. Sambutan Hari Pendengaran Sedunia bagi tahun ini membawa tema “Penjagaan telinga dan pendengaran untuk semua! Mari jadikan ia satu realiti” (*Ear and hearing care for all! Let’s make it a reality*). Ia memberi penekanan kepada kepentingan mengintegrasikan penjagaan telinga dan pendengaran ke peringkat penjagaan kesihatan asasi atau *primary care* memandangkan masalah telinga dan pendengaran merupakan antara masalah yang sering dihadapi pesakit untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan diperingkat komuniti melalui pusat-pusat kesihatan atau klinik-klinik yang berkenaan.
6. Di Negara Brunei Darussalam, lebih dari 60 peratus permasalahan telinga dan pendengaran dapat ditangani di peringkat *primary care*. Statistik yang diperolehi diantara tahun 2021 hingga tahun 2022 dari

Jabatan Otorinolaringologi, Hospital Raja Isteri Pengian Anak Saleha telah menunjukkan seramai 1,980 orang pesakit yang bermasalah telinga dirujuk dari klinik-klinik atau pusat-pusat kesihatan ke klinik pakar Otorinolaringologi yang mana diantara 4 masalah yang sering dialami pesakit ialah masalah tahi telinga, benda asing dalam telinga, jangkitan telinga dan kurang pendengaran. Salah satu komponen terpenting dalam memperkasakan fasiliti kesihatan *primary care* untuk mengintegrasikan penjagaan telinga dan pendengaran di peringkat ini ialah memberikan kemahiran yang relevan melalui latihan seperti yang dianjurkan oleh Badan Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan melalui kerjasama diantara Jabatan Otorinolaringologi, Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Perkhidmatan Kejururawatan sedang menggubal kurikulum program latihan “*Aural care for nurses in the community*” dan adalah menjadi harapan agar program ini menjadi satu realiti sebagai komitmen kita untuk menjana misi di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

7. Bersempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2023 ini juga, Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan melancarkan sebuah manual latihan iaitu “*Primary Ear and Hearing Care Training Manual*” pada 3 Mac 2023. Manual ini bertujuan untuk digunakan sebagai buku panduan latihan kemahiran bagi doktor, petugas kesihatan seperti jururawat di fasiliti kesihatan (*primary healthcare*) atau dibawah pemantauan doktor, dan ahli profesional kesihatan bersekutu

seperti audiologis yang berkepakaran dalam permasalahan telinga dan pendengaran. Manual ini juga diharap dapat menjana keberkesanan dalam menangani masalah pendengaran dan telinga yang diberikan diperingkat *primary care* oleh doktor ataupun jururawat yang terlatih dan berkecekapan.

8. Sementara itu, penjagaan kesihatan telinga dan pendengaran bagi setiap individu bermula dengan melakukan perkara-perkara seperti berikut:

- a) Mengelakkan dari memasukkan benda asing ke dalam telinga,
- b) Memberhentikan tabiat mengorek telinga,
- c) Berjumpa doktor jika mengalami sakit telinga,
- d) Mengamalkan penggunaan alat pelindung telinga ketika berada dipersekitaran bising,
- e) Mengelakkan berkongsi pemakaian alat *ear phones / ear piece* atau *ear buds*,
- f) Kurangkan tahap kekuatan *volume* alat pendengaran audio; dan
- g) Elakkan penggunaan alat pendengaran audio secara berpanjangan

9. Pencegahan kehilangan pendengaran sememangnya penting untuk dilakukan sepanjang hayat, bermula dari perkembangan anak dalam kandungan sehingga menjangkau usia emas. Majoriti punca masalah

kehilangan pendengaran boleh dicegah dengan strategi pelaksanaan yang berkesan seperti program imunisasi, program penjagaan kesihatan ibu dan anak, pengenalpastian dan rawatan awal untuk masalah telinga, program pemuliharaan pendengaran dip persekitaran bising ditempat kerja, strategi mendengar dengan selamat semasa melakukan aktiviti rekreasi dan sebagainya.

10. Justeru itu, marilah kita sama-sama menjaga kesihatan telinga dan pendengaran untuk mencapai mencapai matlamat dalam mencegah dan mengurangkan impak masalah kehilangan pendengaran secara global.

-TAMAT-